

16/04/2001

Perodua temui PM bincang ekuiti Daihatsu, model baru

Abdul Halim Yusoff

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) akan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok untuk mendapatkan persetujuan mengenai struktur ekuiti lebih besar yang akan diambil Daihatsu Motor Co Ltd (Daihatsu), dan nama model terbaru yang akan diumumkan bulan depan.

Sumber industri memberitahu, saat untuk Daihatsu berfungsi mengawal operasi Perodua hampir menjadi kenyataan dan tidak dapat dielakkan lagi.

Daihatsu, ahli kumpulan Toyota Motor Co Ltd, Japan dikatakan menekan Perodua untuk mendapatkan kepentingan kawalan atau berpindah ke Thailand sekali gus meletakkan Perodua dalam keadaan sukar berdepan pembukaan pasaran Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) menjelang 2005.

Meskipun, status projek kereta nasional kedua mungkin terjejas dengan tindakan kawalan yang bakal diambil Daihatsu itu, Perodua dilihat sebagai tiada pilihan jika mahu terus berdaya saing dalam dunia automotif yang memerlukan teknologi, keteguhan dana dan sumber.

"Dalam era pembukaan pasaran dan evolusi sektor automotif dunia yang mana penggabungan menjadi agenda utama, sebuah syarikat kereta kecil mengeluarkan 150,000 unit setahun tidak akan mencapai ekonomi bidangan untuk berdaya saing pada peringkat serantau," katanya.

Sehubungan itu katanya, jika Daihatsu serius menerajui Perodua, ia perlu masuk segera kerana masa semakin suntuk untuk kedua-dua pihak merangka strategi pengeluaran model yang sesuai untuk pasaran Asean dan kemudian menyediakan dana meningkatkan keupayaan pengeluaran di Rawang.

Pembangunan sesebuah model paling cepat dapat disiapkan dalam tempoh 30 bulan dan ditambah dengan proses kaji selidik pasaran dan tempoh menyediakan keupayaan pengeluaran, 2005 sudah sangat hampir untuk Perodua.

"Setakat ini, Perodua tidak mempunyai senarai model/produk baru untuk dikeluarkan selepas X690 bulan depan, kecuali pengubahsuaian model yang sedia ada.

"Berbanding Proton, meskipun ia juga dijangka terjejas teruk dengan Afta jika tidak menurunkan harga. Sekurang-kurangnya Proton sudah membuktikan keupayaan mengeluarkan produk sendiri (Waja) serta senarai model yang akan dikeluarkan selepas ini," katanya.

Dari segi ekuiti, Daihatsu mempunyai pegangan langsung 20 peratus dalam Perodua dan lima peratus secara tidak langsung menerusi Daihatsu (Malaysia) Sdn Bhd.

Pemegang saham lain dalam Perodua termasuk UMW Corporation Sdn Bhd (38 peratus), Med-Bumikar Mara Sdn Bhd (20 peratus) PNB Equity Resources Corporation Sdn Bhd (lima peratus) dan Mitsui & Co Ltd (tujuh peratus).

Sementara itu, model baru Perodua yang masih mengekalkan huruf `K' dan akan dibuat pelancaran nama bulan depan, masih mengekalkan nama binatang seperti yang menjadi tradisinya selama ini.

Beberapa model sebelum ini yang menggunakan nama haiwan termasuk Kancil, Rusa dan Kenari kecuali kenderaan pacuan empat roda (4x4) Kembara, yang memfokus kepada gaya hidup.

Pengarah Urusan Perodua, Datuk Abdul Rahman Omar, apabila ditanyakan nama model terbaru itu enggan menyatakannya secara terbuka tetapi membayangkan nama model terbaru itu diambil daripada haiwan yang habitatnya belum diliputi model Perodua, iaitu haiwan yang hidup dalam air.

"Sebagai contoh Kancil dan Rusa hidup di darat manakala Kenari pula terbang di udara. Jadi, model kod X690 mungkin nama haiwan dalam air,"

katanya dalam satu pertemuan di Rawang, baru-baru ini.

Abdul Rahman berkata, nama model itu dipilih daripada satu pertandingan membabitkan 34,800 penyertaan dengan 1,700 penyertaan memilih nama yang dipilih sebagai nama model baru itu.

(END)